

**KESESUAIAN NOVEL KOMPONEN SASTERA DALAM
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU**

Oleh

MARIDAH BINTI HAJI ALIAS

**Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan
untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2005

DEDIKASI

Tuhan Yang MAHA ESA
Limpah dan Kurnia-Mu
Kusyukuri

Buat suamiku Shukor
Sabar dan ketabahanmu
Cinta dan pengorbanamu
dan
KASIH SAYANGMU
Amat kusanjungi

Ayahanda Haji Alias dan bonda Hajah Jaunah
Yang telah banyak berkorban
Tidak jemu-jemu mengiringi kejayaanku
Dengan DOA
Keprihatinan dan harapanmu
Kuhargai

Untuk putera puteri tersayang
Fasehah, Fahmie, Farhana, Farahin, Farah Dianah
Langkah kedewasaanmu
Memikul tanggungjawab berlimpah amanah
Moga kejayaan yang dirintis ini
Menjadi PENDORONG dan sumber ilham kalian

Guru-guru yang menabur bakti
Teman-teman yang mengiringi pengajian ini
Kerjasama dan kemesraan kalian
Semuanya akan diabadikan
terima kasih atas segalanya.
BUDIMU tersemat kukuh di lubuk sanubari

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KESESUAIAN NOVEL KOMPONEN SASTERA
DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU**

Oleh

MARIDAH BINTI HJ. ALIAS

Februari 2005

Pengerusi : Hj. Ramli @ Sahari bin Isin, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat dan rumusan tentang unsur-unsur yang membentuk struktur penceritaan novel-novel komponen sastera dan menemukan kesesuaiannya dengan kurikulum. Melalui 20 buah novel yang dijadikan bahan kajian menggunakan pendekatan strukturalisme dan psikoanalisis diharapkan dapat menemukan rumusan yang memperkuuh lagi kenyataan bahawa struktur penceritaan novel-novel yang dikaji bersesuaian dengan kurikulum khususnya kurikulum Bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis aspek-aspek dalaman dalam novel-novel yang menjadi bahan kajian. Seterusnya, penelitian ditumpukan kepada kesesuaian aspek-aspek dalaman novel dengan kurikulum.

Penyelidikan ini menyentuh tentang beberapa kajian lalu yang menjurus ke arah kajian struktur yang menjadikan novel sebagai bahan kajiannya. Perbicaraan tentang peranan penggunaan novel komponen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu turut dibincangkan dengan memberi tumpuan terhadap peranan dan fungsi novel kepada pelajar. Di samping memberi hiburan dan pengajaran, melalui pembacaan novel juga dapat memupuk minat membaca, membina nilai moral positif pelajar dan memupuk semangat kewarganegaraan di kalangan pelajar.

Kajian ini juga menganalisis aspek-aspek dalaman yang menjadi kekuatan dalam pemilihan novel yang merangkumi tema, plot, watak dan perwatakan, latar dan gaya bahasa dari sudut sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Aspek ini diteliti sewajar mungkin untuk melihat kaitan dan hubungan yang membentuk struktur penceritaannya.

Seterusnya, hasil penganalisisan, pengkaji menemukan kesesuaian aspek-aspek dalaman novel dengan kurikulum yang didasari oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Novel yang sesuai dengan dasar kurikulum penting untuk mencapai penghasilan pembelajaran yang diharatkan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**THE COMPATIBILITY OF LITERATURE COMPONENT NOVELS
IN BAHASA MELAYU CURRICULUM**

By

MARIDAH BINTI HJ. ALIAS

February 2005

Chairman : Hj. Ramli @ Sahari bin Isin, PhD

Faculty : Modern Language and Communication

This research examines as well as provides the aspects of narrative structure in the literature component with emphasis on the novel and its compatibility to the curriculum. Using the theory of structuralism and psychoanalysis, the study analysis twenty novels, and consequently draws in a comprehensive conclusion which further strengthens the notion that the narrative structure of the literature component, that is the novel, is compatible to the curriculum, especially the Bahasa Melayu curriculum.

The objective of this research is to analyse the intrinsic aspects of the novels that are used in the research. The main focus of the analysis is on finding the suitability of the intrinsic aspects of a novel to the curriculum.

This research discusses several previous researchers. The discussion also focuses on the roll of the literature component in the teaching and learning of Bahasa Melayu, and the role and function of the novel to the students' interest at large. Reading the novel does not only provide entertainment and education, but also inculcates positive values such as the invaluable interest in reading and the insight on moral values as well as the sense of patriotism.

This research analyses the intrinsic aspects as the important factors for selecting a novel with consideration on the theme, plot, character, characterization, setting and the styles from the perspectives of socioculture, socioeconomic and sociopolitics, too. These aspects are carefully studied to distinguish the association and relationship that form the narrative structure of the novel.

Based on the result of the analysis, the researcher discovers the compatibility of the intrinsic aspects of the novel to the curriculum designed by the Curriculum Development Center, Ministry of Education Malaysia. Hence, it is very important to use the novel which are in accordance with the aspirations of the national curriculum to achieve the stipulated learning outcome.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim

Dengan Nama Allah Yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang

Segala Pujian ke-Hadrat Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Selawat dan Salam Kepada Junjungan Besar Nabi Muhamad S.A.W

Penulis memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, penulisan tesis ini dapat disempurnakan. Dalam usaha menyiapkan penulisan tesis ini, penulis telah mendapat pelbagai bantuan dan sokongan daripada pensyarah, sahabat dan rakan seperjuangan yang lain terutama dalam mencetuskan idea dan sokongan yang tidak berbelah bagi.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis iaitu Dr. Haji Ramli @ Sahari Isin, Prof. Madya Dr. Haji Rosli bin Talif dan Dr. Haji Mohd Hussein Baharuddin yang sentiasa memberikan kerjasama dan nasihat serta pandangan yang sangat berguna hingga tesis ini dapat disempurnakan.

Ucapan terima kasih khas buat Dato' Kamaruzzaman Kadir (Dharmawijaya), Dr. Haji Abdul Rahim Marasidi, dan Dr. Samsina binti Abdul Rahman yang banyak memberikan bantuan dan sokongan dalam menyiapkan penulisan ini. Terima kasih juga ditujukan

kepada guru-guru, rakan-rakan, pegawai dan staf sokongan Perpustakaan Universiti Putra Malaysia yang telah memberikan pelbagai sumbangan dan buah fikiran bagi menyiapkan penulisan tesis ini.

Akhirnya, penghargaan yang tidak terhingga kepada suami tercinta Encik Shukor bin Abas yang sentiasa membantu membaca dan menyemak semula draf tesis serta anak-anak Nur Faseha, Muhammad Faiqfahmie, Nur Farhana, Nur Farahin dan Nur Farah Dianah atas pengorbanan, kesabaran serta kasih sayang yang tiada penghujungnya. Jadikanlah kejayaan ibu sebagai dorongan dan perangsang untuk berjaya dan maju ke hadapan. Terima kasih juga untuk abah dan ibu tersayang kerana doamu telah termakbul, seluruh keluarga dan rakan-rakan akademik yang sentiasa memberikan galakan.

Wassalam

MARIDAH BINTI HAJI ALIAS

Program PhD Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
Serdang, Selangor Darul Ehsan.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Maridah binti Haji Alias telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 16 Februari 2005 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau bertajuk “Kesesuaian Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti yang berikut:

Ahmad Mahmood Musanif, PhD

Profesor Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Noor Aina Dani, PhD

Profesor Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hj. Abdul Rahim Marasidi, PhD

Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hashim Awang , PhD

Profesor
Jabatan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan
Universiti Brunei Darul Salam
(Pemeriksa Bebas)

ZAKARIAH ABD. RASHID, PhD

Profesor / Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

HAJI RAMLI @ SAHARI ISIN, PhD
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

HAJI ROSLI BIN TALIF, PhD
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HAJI MOHD. HUSSEIN BIN HAJI BAHARUDIN, PhD
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD
Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan telah diberi penghargaan di atas tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

MARIDAH BINTI HAJI ALIAS

Tarikh :

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI KANDUNGAN	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1 PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Novel-novel Komponen Sastera dalam	
Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu	1
Kesesuaian Novel-novel Komponen Sastera	
Dalam Kurikulum Bahasa Melayu	4
Struktur Penceritaan	10
Novel	12
Komponen Sastera	14
Novel-novel Komponen Sastera	16
Zon 1: Selangor, Perlis, Negeri Sembilan	
Wilayah Persekutuan	
Tingkatan 1: Meniti Kaca	16
Tingkatan 2: Pahlawan Pasir Salak	16
Tingkatan 3: Panas Salju	17
Tingkatan 4: Bukit Kepong	18
Tingkatan 5: Konserto Terakhir	18
Zon 2 : Sabah, Sarawak, Pahang, Terengganu	
Tingkatan 1: Limpahan Darah di Sungai Semur	19
Tingkatan 2 : Timulak Kapal Perang	20
Tingkatan 3 : Ekspedisi	20
Tingkatan 4 : Terminal Tiga	21
Tingkatan 5 : Seteguh Karang	22
Zon 3 : Melaka, Johor, Kelantan	
Tingkatan 1 : Anak Din Biola	22

Tingkatan 2 : Tragedi Empat Disember	23
Tingkatan 3 : Merdeka! Merdeka!	24
Tingkatan 4 : Di Hadapan Pulau	24
Tingkatan 5 : Putera Gunung Tahan	25
Zon 4 : Kedah, Perak, Pulau Pinang	
Tingkatan 1 : Aku Anak Timur	26
Tingkatan 2 : Kapten Hassan Wira Bangsa	26
Tingkatan 3 : Kanang Cerita Seorang Pahlawan	27
Tingkatan 4 : Perlumbaan Kedua	27
Tingkatan 5 : Julia	28
Pernyataan Masalah	29
Kepentingan Kajian	33
Objektif Kajian	36
Batasan Kajian	36
Definisi Operasional	37
Kesesuaian Novel-novel Komponen Sastera	37
Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu	39
II SOROTAN LITERATUR	42
Pengenalan	42
Sorotan Kajian Secara Am	43
Kajian tentang Struktur Penceritaan	
Novel-novel Komponen Sastera	46
Kajian tentang Kurikulum Komponen	
Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	60
Kajian tentang Nilai Masyarakat dalam	
Novel-novel Komponen Sastera	78
Kajian yang Berkaitan dengan Teori	84
Pendekatan Psikoanalisis	84
Pendekatan Formalisme	89
III METODOLOGI KAJIAN	96
Reka Bentuk Kajian	96
Kerangka Teori	
Pendekatan Formalisme	98
Pendekatan Psikoanalisis	104
Kaedah Kajian	112
Alat Kajian	113
Tatacara Kajian	113
Penganalisisan Data	116
IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
Persembahan Data	120
Struktur Penceritaan Novel-novel Komponen	
Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	
Mengikut Pendekatan Formalisme dan Psikoanalisis	120

Tema	121
Tema Sosiobudaya	124
Tema Kegigihan	126
Kegigihan Menuntut Ilmu	126
Kegigihan Menempuh Ranjau Kehidupan	134
Kegigihan Menghadapi Cabaran Ekspedisi	140
Tema Kekeluargaan	142
Persoalan Moral Negatif	146
Tema Sosiopolitik	150
Nasionalisme	151
Pemimpin dan Kepimpinan	159
Kepimpinan dalam Keluarga	160
Kepimpinan dalam Golongan Rakan Sebaya	166
Tema Sosioekonomi	170
Kemiskinan	172
Pertanian	176
Keusahawanan	180
Watak dan Perwatakan	183
Watak Utama	185
Watak Sampingan	202
Plot	212
Plot Mudah	214
Plot Rumit	234
Latar Penceritaan	237
Latar Tempat	239
Latar Masa	258
Latar Masyarakat	263
Gaya Bahasa	271
Kesesuaian Struktur Penceritaan Novel-novel	
Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa	
Melayu dengan Kurikulum	299
Meniti Kaca	300
Aku Anak Timur	306
Pahlawan Pasir Salak	312
Timulak Kapal Perang	316
Panas Salju	322
Terminal Tiga	326
Perlumbaan Kedua	332
Putera Gunung Tahan	338
Kanan Cerita Seorang Pahlawan	341
Julia	344
Konserto Terakhir	348
Bukit Kepong	351
Rasional Teori dan Dapatan Kajian	355
Implikasi Dapatan Kajian	359

V RUMUSAN DAN CADANGAN	367
Cadangan Kajian Selanjutnya	379
BIBLIOGRAFI	382
LAMPIRAN	401
BIODATA PENULIS	423

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1 Matlamat Pendidikan Berkonsepkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	7
2 Kerangka Konsepsi Kajian	115
3 Carta Aliran Penganalisisan Data	118
4 Plot Rumit Dalam Novel Terminal Tiga	235

SENARAI SINGKATAN

IQ	Intelligence Quotient
KOMSAS	Komponen Sastera
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
FELDA	Federal Land Development Authority (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)
RM	Ringgit Malaysia
SAW	Salallahu Alaihi Wassalam
SWT	Subhanahu Wa Taala
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
ITM	Institiut Teknologi Mara

BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Novel-Novel Komponen Sastera dalam Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Pada tahun 2000 Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan subjek komponen sastera dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah seluruh negara. Langkah ini dilaksanakan bagi menyesuaikan transformasi yang berlaku dalam *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah* yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada awal tahun 2000. Kemasukan komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu itu, bagi menggantikan bahan sastera yang digunakan sebelumnya jelas membuktikan bahawa Kementerian Pendidikan memberi penilaian yang tinggi terhadap hasil kesusasteraan Melayu.

Komponen sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu telah dilaksanakan di semua sekolah menengah secara berperingkat-peringkat sejak bulan Mac 2000 untuk pelajar tingkatan 1 dan tingkatan 4. Menjelang tahun 2002, pelajar-pelajar dinilai di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tingkatan 5 dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) untuk pelajar tingkatan

3. Sementara pelaksanaan ujian sepenuhnya termasuk kertas Bahasa Melayu Julai hanya bermula pada tahun 2003. Pelaksanaan ini bertepatan dengan keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, Kementerian Pendidikan Bil. 4/1999, apabila Menteri Pendidikan Malaysia dalam kenyataannya telah meminta dibuat persediaan untuk memasukkan pengajaran kesusastraan Melayu sebagai satu komponen wajib dalam pengajaran Bahasa Melayu. Pelajar-pelajar akan diuji di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pengenalan subjek komponen sastera merupakan bahagian penting yang diberikan perhatian utama dalam *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Di samping itu keprihatinan Kementerian Pendidikan memperkenalkan subjek ini bagi tujuan untuk mempercambahkan budaya membaca, menghayati, mempelajari dan mengetahui perkembangan dan kehidupan sastera Melayu di kalangan pelajar amat membanggakan. Secara tegas dan jelas antara objektif utama komponen sastera itu ialah:

1. meningkatkan dan mengukuhkan keterampilan berbahasa,
2. memupuk budaya membaca,
3. menghayati karya sastera,
4. menerapkan nilai-nilai murni dan pengajaran,
5. mengenal tokoh (pengarang) dan sejarah perkembangan sastera,

6. menghayati keindahan bahasa dalam karya dan mengaplikasikannya dalam penulisan,
7. menghasilkan karya sastera seperti cerpen, pantun, syair, seloka, gurindam, sajak dan skrip drama.

Objektif penggunaan bahan komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu amat jelas dalam usahanya untuk mengeksplot kemahiran berbahasa di kalangan pelajar. Dapat dilihat wujudnya penyerapan ilmu dan nilai dalam usaha membina kecerdasan yang bervariasi dengan tumpuan pemberatannya ialah kepada pelajar itu sendiri.

Dalam konteks ini, Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan ketika itu turut menegaskan bahawa karya sastera tidak boleh diabaikan kerana di dalamnya terkandung jati diri, nilai budaya dan sejarah ketamadunan sesuatu bangsa. Penegasan ini memberi cabaran kepada guru dan pelajar terhadap penggunaan karya sastera sebagai teks wajib dalam komponen sastera. Memandangkan pelajar menjadi sasarannya, maka karya-karya tersebut diharapkan dapat memancarkan nilai-nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan serta unsur-unsur keindahan yang boleh memperkuuh keterampilan berbahasa pelajar.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pelajar diperkenalkan kepada enam genre sastera iaitu novel, cerpen, drama, prosa tradisional, puisi tradisional dan sajak. Pemilihan tersebut bukan sahaja mementingkan keterampilan menguasai bahan sastera itu tetapi juga bertujuan untuk menjana kemahiran berfikir, keterampilan kreatif, keterampilan keperibadian membentuk sahsiah diri dan keterampilan bermasyarakat dalam komunikasi.

Kesesuaian Novel-Novel Komponen Sastera dalam Kurikulum Bahasa Melayu

Penggunaan karya sastera khususnya novel sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran mempunyai objektif dan fungsinya yang tersendiri. Ini selaras dengan tujuan pendidikan di Malaysia untuk melahirkan warganegaranya yang berakhlak mulia. Jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diisytiharkan secara rasmi pada tahun 1987 bahawa:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu.

(*Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, KBSM, 2003:hlm.1*)

Jika diteliti penghayatan falsafah tersebut, dapat dilihat dengan jelas hala tuju pendidikan yang bercorak individu dan masyarakat. Kedua-duanya menuju ke arah melahirkan insan yang baik seterusnya menjadi anggota masyarakat dan warganegara yang berguna. Ini menyebabkan pendidikan menggunakan karya sastera mulai penting untuk diajar di sekolah-sekolah menengah.

Dalam hal ini, kurikulum dijadikan asas kerana dengan kurikulum, matlamat pendidikan menjadi lebih nyata dan visi tentang rakyat Malaysia yang ingin dilahirkan menjadi jelas. Kurikulum yang terancang dan sistematik merupakan kriteria penting bagi melahirkan pelajar yang mempunyai perkembangan yang menyeluruh. Dalam konteks ini, menyeluruh meliputi hubungan pendidikan dengan kehidupan pelajar sebagai ahli masyarakat dan perkembangan pelajar sebagai manusia yang meliputi aspek jasmani, emosi, rohani, estetika dan etika kehidupan pelajar yang sentiasa berinteraksi dengan alam sekitar dan alam spiritual. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, dalam pernyataannya ada menerangkan bahawa:

Kurikulum ialah teras kepada sesuatu sistem pendidikan. Kurikulum menentukan jenis dan mutu tenaga rakyat yang pada akhirnya boleh menentukan jenis sumbangan yang boleh diberikan dalam penghasilan tenaga rakyat untuk pembangunan negara. Kurikulum juga menentukan kejayaan pembangunan kemanusiaan.

(1982:hlm. 66)

membentuk pelajar yang baik serta mempunyai falsafah dan matlamat yang hendak dituju. Untuk itu pembinaan kurikulum haruslah seimbang dalam aspek mental, rohani dan jasmani. (Abdullah Mohd Noor, Ahmad Jaffni Hassan, 1992:67)

Tumpuan pembentukan kurikulum mengambil kira perkembangan pelajar yang menyeluruh pada masa kini dan keperluan masa hadapan. Ini bertujuan untuk menghasilkan generasi muda yang berilmu dan berakh�ak. Di samping itu untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran berfikir dan membentuk generasi baru yang cinta akan tanah air. Menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia (1992:vii), isi kandungan kurikulum, cita-cita Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan pendekatan yang menekankan kesepaduan dalam kurikulum menengah perlu dititikberatkan supaya hasrat murni yang ingin dicapai dapat dijayakan dengan berkesan dan sempurna.

Pada hari ini, pendidikan peringkat menengah di negara ini menitikberatkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kurikulum ini merupakan satu sistem pendidikan bersepadu yang dilahirkan bagi meningkatkan mutu pendidikan negara dengan menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh, bersepadu dan berakh�ak mulia. Tegasnya, kurikulum ini bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap kepimpinan dan

kemakmuran negara. Di samping itu, penekanan diberikan kepada aspek nilai kewarganegaraan supaya rakyat yang beridentiti kebangsaan dapat diwujudkan (*Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*, 1992:5-9) seperti yang tergambar dalam rajah 1 berikut,

Rajah 1 : Matlamat Pendidikan Berkonsepkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

(Sumber: Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992)

Justeru, menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1998:1), penggunaan novel sebagai bahan bacaan wajib bukanlah sesuatu yang mudah malahan memerlukan perhatian yang serius. Pemilihan novel untuk pelajar haruslah bertolak daripada soal-soal asas dan mudah ditanggapi yang mendasari keupayaan dan perkembangan fizikal, mental serta emosi pelajar. Antaranya